

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK KETUA PENGARAH KERJA RAYA
SEMPENA
MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH KERJA RAYA
BERSAMA
WARGA JABATAN KERJA RAYA
28 JANUARI 2022 (JUMAAT)
9.00 PAGI
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Ahmad Redza bin Ghulam Rasool
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Habbali bin Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bangunan

Yang Berusaha Sr. Amran bin Hj. Mohd Majid
Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pakar

Pengarah-Pengarah Kanan

Pengarah – Pengarah Cawangan

Pengarah – Pengarah Negeri

Jurutera-Jurutera Daerah

Dan

Warga Jabatan Kerja Raya yang saya kasihi sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.
2. Pertama sekali saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2022 kepada seluruh warga kerja JKR. Semoga lembaran 2022 membawa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan kepada Jabatan yang kita sayangi ini, InsyaAllah.
3. Mengambil kesempatan di sini juga, saya dengan tulus ikhlas ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga kerja Jabatan atas segala sumbangan, usaha, dan komitmen dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan sepanjang tahun 2021.
4. Seperti kita sedia maklum, di penghujung tahun 2021, negara kita telah dilanda bencana banjir luar biasa yang turut menjelaskan negeri-negeri di pantai barat. Aras bawah Menara PJD, Ibu Pejabat JKR turut ditenggelami sehingga menjelaskan operasi pejabat kita di Menara PJD dan kita juga kehilangan sebahagian besar dokumen dan lukisan-lukisan yang tersimpan di Arkib JKR. Dalam masa yang sama, Ibu Pejabat JKR Selangor, pejabat JKR Sepang dan pejabat JKR Klang juga dinaiki air. Ekoran itu, sebahagian besar aset kerajaan antaranya-dokumen-dokumen rasmi serta peralatan musnah. Meskipun begitu, saya percaya agar kita telah mengambil tindakan yang sewajarnya, supaya tidak menjelaskan kelangsungan perkhidmatan jabatan.
5. Atas semangat #JKRPrihatin, Tabung Sumbangan Bencana Banjir #JKRPrihatin telah dilancarkan. Alhamdulillah, sumbangan tunai telah dikumpul dan disumbangkan kepada warga JKR yang terkesan.

6. JKR turut memberikan bantuan aset seperti lori, *backhoe* dan *shovel* bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan kawasan, laluan dan runtuhan cerun. Bagi memastikan jaringan perhubungan tidak terjejas, JKR bersama pasukan ATM telah terlibat untuk membina jambatan sementara Bailey Bridge di Simpang Durian, Jelebu, Negeri Sembilan dan Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor.

7. Terima kasih kepada sukarelawan JKR serta seluruh warga kerja JKR yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha murni ini. Saya amat terharu dan sangat berterima kasih atas sifat keprihatinan tuan-puan semua. Semoga segala kebaikan dan sumbangan tuan-puan memperoleh ganjaran dari Allah S.W.T, Insyaallah.

BIG BEN

8. Terima kasih kepada CSFJ melalui Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) sentiasa bersiap siaga menghadapi musim Monsun Timur Laut. Hasil promosi berterusan, keberkesanan komunikasi melalui talian *hotline* serta paparan laman web pengurusan bencana yang terperinci dan terkini, BigBen makin dikenali serta tersebar luas peranannya.

LAKARAN KEJAYAAN 2021

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Alhamdulillah pada tahun 2021 menyaksikan Jabatan berjaya melakar pelbagai kejayaan dan pengiktirafan, antaranya ialah:

- i. **Sambutan HPTN 2021** yang bermula pada 15 November hingga 7 Disember telah sekali lagi dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang bertemakan "Menggerakkan Negara, Melangkaui Aspirasi".

Walaupun masih dalam tempoh pandemik, kita telah berjaya menjayakannya. Syabas diucapkan kepada seluruh warga kerja HPTN 2021.

- ii. Selain itu, sempena Program **Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM)**, Jabatan telah berjaya membantu YB Menteri Kanan Kerja Raya dalam **Pencapaian KPI 100 Hari** dengan mengeluarkan 137 bilangan SST melibatkan peruntukan sebanyak RM4.56 bilion. Jabatan juga telah berjaya menampal sebanyak 15,973 bilangan *potholes* di Jalan Persekutuan dalam tempoh 24 jam. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan KPI ini.
- iii. Tahun 2021 merupakan ulang tahun ke-5 CREaTE.
- Sepanjang tahun 2021, sebanyak 266 aktiviti penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan telah dilaksanakan. Melalui program penyelidikan ini, 50 bilangan inovasi telah dihasilkan dengan 10 bilangan terkini telah diperakukan dan digunakan di dalam industri. CREaTE juga telah berjaya mendaftarkan 23 bilangan harta intelek di MyIPO.
 - CREaTE telah berjaya menganjurkan 2 program peringkat antarabangsa.
 - Selain itu, CREaTE terlibat di dalam 12 Pembentangan Kertas Kerja, Kertas Penyelidikan dan penerbitan di peringkat Antarabangsa serta turut berjaya menerbitkan 63 hasil penyelidikan warga JKR.
 - CREaTE turut berjaya **melaksanakan Majlis Penganugerahan Sijil Kompetensi Teknikal JKR Malaysia 2021**. Seramai 28 calon telah diperakukan lulus kompetensi Tahap 4.
- iv. Jabatan telah mengadakan projek rintis pemasangan **lampa solar LED**. Antara projek rintis yang telah berjaya adalah:
- a. **Program Lampu Jalan Kampung, Lawas, Sarawak;**
 - b. **Program Lampu Jalan Kampung (LJK) untuk dua perkampungan Orang Asli di Royal Belum, Perak iaitu di Kampung Sungai Tiang & Kg Sungai Kejar.**

Semoga projek rintis ini memberi manfaat kepada penghuni kampung-kampung tersebut.

Warga JKR yang dikasihi,

- v. JKR juga telah berjaya memperolehi **Anugerah High Qlassic Achievement** bagi Projek Cadangan Kerja-kerja Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia (Fasa 3B) Kuala Lumpur.
- vi. Untuk perkongsian juga, pada tahun 2021, seramai empat (4) orang Pegawai JKR telah diiktiraf dan diluluskan sebagai **Pakar bidang Khusus (SME)** oleh JPA. Ini menjadikan jumlah semasa SME JKR adalah seramai tujuh (7) orang.
- vii. Pada tahun lalu juga, seramai **74 calon telah berjaya ditauliahkan dengan pentauliahan pensijilan BIM JKR** iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan. Semoga pengiktirafan dan pentauliahan ini menjadi contoh kepada pegawai JKR untuk terus berdaya saing, meningkatkan ilmu pengetahuan serta kepakaran demi kemajuan kerjaya masing-masing.
- viii. Amat membanggakan juga, sekalung tahniah kepada YBrs. Ir. Maria Binti Marcus kerana telah berjaya memperolehi **pengiktirafan Sijil Hak Cipta** sebagai pencipta kepada Sistem Pengurusan Perolehan dan Pemantauan Kerja-S3PK V2.0 yang meletakkan JKR sebagai Pemunya. Sistem ini adalah satu inovasi untuk membantu pengurusan perolehan sebutharga dilaksanakan dengan lebih cepat, sistematik dan cekap.

PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMK-12) SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

10. Secara kumulatif, sehingga 31 Disember 2021, JKR telah melaksanakan 2,309 projek. Status projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. 7.15% masih dalam perancangan;

- ii. 5.33% dalam peringkat rekabentuk;
- iii. 7.67% dalam peringkat perolehan;
- iv. 28.93% sedang dalam pembinaan; dan
- v. 50.93% telah siap.

11. Kita juga telah berjaya menyerahkan sebanyak 143 bilangan projek iaitu melebihi sasaran yang perlu diserahkan pada tahun 2021.

12. Sebanyak 64% bilangan projek yang bernilai RM10 juta ke atas dalam RP1 RMK-12 telah dilaksanakan secara BIM iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2021 iaitu **50%**.

PRESTASI KEWANGAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan

13. Sehingga 31 Disember 2021, kedua-dua prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan JKR Malaysia telah melepassi sasaran KPI tahunan yang telah ditetapkan:

- i. Prestasi Perbelanjaan Mengurus JKR Malaysia adalah 100.0% daripada RM1.23 billion yang diperuntukkan, iaitu melebihi Purata Perbelanjaan 3 tahun dari 2018 hingga 2020; manakala
- ii. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi JKR Malaysia adalah sebanyak RM6.159 bilion iaitu 99.81% daripada peruntukan RM6.171 bilion, melebihi 98.00% Purata Nasional Perbelanjaan Pembangunan.

Semoga momentum perbelanjaan yang positif ini terus dikekalkan atau lebih baik lagi pada tahun ini supaya semua aktiviti, program dan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan dan disiapkan di dalam tempoh, mencapai objektif dan mematuhi peraturan semasa yang berkuat kuasa.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK JKR 2021

14. Pelan Strategik JKR 2021 telah mencapai 100% iaitu melibatkan sebanyak 49 pengukuran. Manakala 3 lagi pengukuran akan dibuat penilaian pada tahun 2022 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 52 pengukuran. Sehubungan itu, saya menyeru kepada seluruh warga JKR untuk terus mengekalkan momentum pencapaian ini.

PRESTASI KPI JABATAN TAHUN 2021

15. Alhamdulillah, kita berjaya mencapai KPI Jabatan dengan memperolehi markah penuh di peringkat jabatan iaitu sebanyak 80% manakala, 20% lagi akan diberi penilaian oleh pihak JPA. Hakikatnya, ini merupakan pencapaian tertinggi pernah direkodkan bagi KPI Jabatan. Kejayaan pencapaian ini adalah hasil usaha dan kerjasama seluruh warga kerja JKR.

SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN 2022

16. Bagi tahun 2022 sebanyak enam (6) KPI jabatan telah ditetapkan dan perlu dicapai iaitu;

- i. 35% projek bangunan menggunakan reka bentuk *Pre-Approved Plan* (PAP);
- ii. 80% lokasi *blackspot* siap dirawat;
- iii. 10 lokasi menggunakan *specialty mix* dalam kerja penyenggaraan jalan;
- iv. 90% daripada projek bernilai RM10 juta ke atas menggunakan komponen IBS buatan kilang;
- v. 90% projek dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST); and
- vi. 90% daripada 500 aset milikan KKR dinilai dan dilaporkan menggunakan *Facility Condition Assessment* (FCA) atau *Building Condition Assessment* (BCA).

Oleh itu, besar harapan saya agar kita sama-sama dapat berganding bahu dan berusaha untuk mencapai sasaran ini. Semoga JKR Malaysia terus membina kecemerlangan dan melaksanakan pelbagai inisiatif penting, sejajar dengan pemerkasaan Pelan Strategik JKR Malaysia 2021-2025.

Yang Berbahagia Dato-Dato, Tuan – tuan dan puan-puan sekalian,

SURAT SETUJU TERIMA (SST)

17. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 392 SST bagi projek kategori fizikal pembinaan telah berjaya dikeluarkan dengan melibatkan kos projek sebanyak RM18.6 bilion. Pencapaian ini melebihi bilangan SST yang dikeluarkan pada tahun 2019 dan 2020.
18. Dalam usaha menyediakan infrastruktur negara, Jabatan turut menyumbang dalam menggerakkan rantaian ekonomi Negara dalam tempoh pandemik ini dengan:
 - a. Membantu menyediakan peluang pekerjaan.
 - b. Meningkatkan aliran tunai ke pasaran; serta
 - c. Meningkatkan ekonomi negara.

PROGRAM PENILAIAN *MALAYSIAN GOVERNMENT PERFORMANCE INDEX (MYGPI)*

19. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan akan menggunakan Mekanisme Pengukuran Prestasi Sektor Awam iaitu program MyGPI yang menggantikan Sistem Star Rating (SSR) untuk penilaian prestasi agensi.
20. MyGPI bertujuan menilai prestasi agensi dalam konteks pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan melalui tadbir urus yang baik ke arah reformasi sektor awam. Sehubungan dengan itu, seluruh warga JKR perlu bersedia mengadaptasi sistem ini.

Hadirin hadirat sekalian,

PENCAPAIAN TENDER ONLINE

21. Kita ketahui, pelbagai cabaran dan rintangan telah dilalui sejak pandemik Covid-19. Perkara ini telah memberi kesan kepada proses perolehan tender Jabatan. Justeru, jabatan telah memperkenalkan inovasi sistem tender secara dalam talian (*end to end*) yang dibangunkan oleh CKUB bersama dengan BTM CDPK. Sistem ini meliputi proses perolehan termasuk kaedah pembayaran dokumen tender melalui gerbang bayaran serta pengemukaan dokumen tender secara digital.
22. Sistem ini mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan untuk lebih effisien serta memenuhi keperluan semasa. Saya percaya dengan adanya sistem ini, pentadbiran dan penyampaian Jabatan akan seiring dengan transformasi digital IR 4.0.

INOVASI

23. Saban tahun, jabatan berjaya menghasilkan inovasi-inovasi baru. Pada tahun 2021, jabatan telah berjaya menghasilkan produk *Speed Sign with IOT Radar Sensor*, bermatlamat untuk mengurangkan kadar kemalangan di kawasan berisiko tinggi. Produk ini telah berjaya dimasukkan sebagai salah satu inisiatif di bawah kluster teknologi baru yang terajui oleh MOSTI dan EPU. Ia mensasarkan 10 lokasi tambahan yang akan dipasang dengan inovasi tersebut, selewat-lewatnya penghujung tahun 2022.
24. Selain itu, *Sistem i-Supervision* juga merupakan produk inovasi baru yang dibangunkan untuk membantu menyelia keadaan di tapak projek. Sebanyak dua (2) lokasi telah dikenalpasti sebagai projek rintis iaitu Projek Hospital Petrajaya, Kuching dan Projek Hospital Lawas, Sarawak.

25. Inisiatif Value At Entry (VAE) pula merupakan inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh jabatan, bertujuan memantapkan perancangan semasa peringkat pewujudan projek pembangunan oleh Kementerian dan Agensi. Pelaksanaan VAE dapat memastikan konsep *do it right at the first time* diambilkira dalam cadangan projek, seterusnya membolehkan tiga permasalahan utama seperti status tapak, bri projek dan kos dapat diatasi.
26. Untuk makluman jua, JKR telah menubuhkan Jawatankuasa *Industrial Collaboration Programme* (ICP) JKR pada September 2021. Program ini dilihat satu usaha secara *quick-win* yang memberi manfaat kepada Jabatan kerana ia dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan pembangunan dan operasi Jabatan.
27. Untuk memperkasakan adaptasi IBS dalam projek Kerajaan, pada tahun 2021, JKR telah memperluaskan penggunaan sistem IBS kepada IBS berinovatif seperti *Prefabricated Prefinished Volumetric Construction* (PPVC). Lebih membanggakan, Projek SK Taman Scientex sebagai projek rintis. Projek ini yang direkabentuk secara dalaman dan pembinaan dijangka bermula pada awal Februari 2022.
28. JKR juga telah menerbitkan *JKR IBS Catalogue 2020* berpandukan kod amalan terkini *Eurocode*, pendigitalan katalog IBS serta menerbitkan spesifikasi seperti *Specification Of Precast Concrete* dan *Specification For Load Bearing Blockwork System*.
29. Dalam konteks pengurusan aset, Aplikasi Mudah Alih *Building Condition Assessment Rating System* (BCARS) telah dibangunkan sebagai cadangan penyelesaian kepada kerja-kerja operasi. Ia merupakan aplikasi mudah alih bagi kegunaan di tapak serta sistem web bagi pengurusan dan penyediaan laporan pemeriksaan yang lebih berkesan.

DOKUMEN SERVICE LEVEL COMMITMENT (SLC) BAGI PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK PROJEK KERAJAAN.

Warga JKR yang dihormati sekalian,

30. Pada 2021 juga, Jabatan telah menyediakan dokumen *Service Level Commitment (SLC)*. Dalam penyediaan dokumen SLC, beberapa sesi libat urus bersama pihak TNB dan bersama semua pemegang taruh yang terlibat iaitu KeTSA, KKR, Suruhanjaya Tenaga serta JPS telah diadakan. Besar harapan saya, dengan adanya dokumen SLC ini, iaanya dapat mengurangkan risiko kelewatan, seterusnya mempercepatkan sistem penyampaian projek-projek Kerajaan.

WAY FORWARD

31. Saya dimaklumkan sehingga kini masih terdapat **504 projek** sambungan yang masih belum dikeluarkan Surat Setuju Terima.

32. Sebanyak **254 projek RP2-RMK12** telah diterima pada tahun ini untuk dilaksanakan oleh JKR menjadikan jumlah projek dalam peringkat Pra-Pembinaan adalah sebanyak **758 projek**.

33. Dengan itu, adalah diharapkan semua Pengarah Kanan dan semua Pengarah dapat mengadakan program **libat urus dengan Kementerian** terutamanya, bagi projek sambungan supaya semua isu dan masalah dapat diselesaikan segera. Perkara ini adalah penting untuk memastikan **SST** bagi semua projek RMK10, RMK11 dan RP1-RMK12 dapat **diawad pada tahun ini** juga.

Data SKALA sehingga 20.1.2022

34. Merujuk kepada data SKALA, sehingga 20 Januari 2022, ingin saya maklumkan di sini bahawa;

- i. Bilangan projek **dalam pembinaan** adalah sebanyak **639 projek**;
- ii. Bilangan projek **sakit** adalah sebanyak **22 projek**;
- iii. Bilangan projek **lewat 1 – 10 %** adalah sebanyak **173 projek**;
- iv. Bilangan projek **lewat 10 – 20 %** adalah sebanyak **20 projek**;

35. Berdasarkan kepada data SKALA yang dinyatakan tadi:

- Pertamanya, dari jumlah projek dalam pembinaan, kita bersama-sama berazam untuk meyiapkan sebanyak **250 Projek** pada tahun 2022.
- Keduanya, marilah kita bersama-sama berazam untuk mencapai **“Ke Arah SIFAR projek sakit Tahun 2022”** dengan merawat projek sakit sedia ada dan mencegah projek lewat menjadi sakit.

Dalam usaha untuk menzahirkan sasaran dan azam kita, ianya memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak meliputi pelbagai aspek. Marilah kita bersama-sama memperkasakan amalan pengurusan projek, antaranya:

- a) **Komunikasi berkesan**
- b) **Pemantauan projek berterusan**
- c) **Penggunaan Teknologi dan *Project Management Tools***
- d) ***Leadership In Project Management***

36. Untuk pemakluman bersama jua, pada tahun 2021, kita telah mencapai beberapa dasar dan ketetapan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Antaranya ialah:

- a) Persetujuan pelaksanaan Pelan Strategi Pengurusan Aset Tak Alih (PSPATA) 10 tahun dengan penepatan KPI kepada semua pegawai pengawal dan ketua Jabatan;
- b) Pelaksanaan Value At Entry (VAE) di peringkat fizikal projek dan fizikal penyenggaraan;

- c) Pelaksanaan Building Condition Assessment (BCA) sebelum memohon peruntukan untuk projek penyenggaraan; dan
- d) Pengelasan projek – Pemulihan, Ubahsuai, Naik taraf (PUN) dan penyenggaraan.

Oleh itu, semua pegawai JKR terutamanya kader hendaklah membantu kementerian masing-masing dalam perihal ini.

Saya percaya pengurusan asset boleh dijadikan bisnes utama yang baharu JKR pada masa hadapan. Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga kerja JKR untuk bersedia dan melengkapi diri dengan ilmu pengetahuan dan kompetensi yang berkaitan.

Hadirin sekalian,

PENGURUSAN ADUAN

37. Bagi pengurusan aduan, JKR telah berjaya menutup sebanyak 4,989 bilangan aduan (90.14%) pada tahun 2021. Pencapaian ini sekaligus memberikan semangat baru kepada jabatan dalam usaha mempertingkatkan keselamatan dan keselesaan infrastruktur.

Warga JKR sekalian,

38. Sistem Pengurusan Anti Rasuah JKR atau *Anti Bribery Managements System (ABMS)* akan menyediakan suatu bentuk pengurusan yang sistematik dalam menangani isu berkaitan tadbir urus, integriti dan anti-rasuah. Ia sebagai langkah-langkah pencegahan, pengesanan dan respon kepada perlakuan rasuah serta berdasarkan pematuhan dan undang-undang anti-rasuah. Seiring dengan itu, Dasar Anti-Rasuah JKR juga telah digubal bagi menzahirkan komitmen ke arah penambahbaikan sistem, prosedur kerja dan kod etika kerja secara berterusan untuk meningkatkan keyakinan pemegang taruh, pelanggan serta imej Jabatan.

39. JKR Malaysia telah lama memperolehi pengiktirafan sistem pengurusan kualiti iaitu sejak tahun 2000. Jabatan juga telah dikenali sebagai jabatan kerajaan yang mempunyai Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) yang mengintegrasikan empat sistem dalam satu dokumen. Sekiranya jabatan berjaya memperolehi pensijilan Pengurusan Anti Rasuah, JKR merupakan satu-satunya jabatan kerajaan yang mempunyai 5 sistem ISO yang diintegrasikan dalam satu Sistem Pengurusan Bersepadu di Malaysia.

40. Sehubungan itu, bagi memperkasakan sistem penyampaian, pada hari ini, Jabatan akan melancarkan **Sistem Pengurusan Anti Rasuah ataupun SPAR & Dokumen Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) Keluaran 07**.

41. Pada hari ini juga, kita berkesempatan untuk meraikan seramai 126 orang penerima Program Pensijilan Pengurus Projek Bertauliah (CBASS) bagi tahun 2021. Tahniah dan syabas kepada semua.

Warga JKR yang saya kasih sekalian,

HARAPAN

42. Saya percaya apa jua cabaran dan halangan yang mendarang pada tahun 2022, Insyaallah saya yakin kita sebagai satu keluarga dapat membuktikan kita boleh mengharunginya melalui:

- B - Bijaksana**
- U - Usaha gigih**
- K - Komited**
- T - Teguh berpasukan**
- I - Integriti**

43. Besar harapan saya, agar seluruh warga JKR di Cawangan, Negeri dan Daerah untuk bertindak sebagai **satu pasukan** dalam **Keluarga JKR** bagi menaikkan nama Jabatan. Saya menyeru semua *posting* media sosial berkenaan kejayaan atau inisiatif positif yang dilaksanakan oleh setiap Cawangan, Negeri dan Daerah di ‘tagged’kan ke akaun rasmi media sosial JKR Malaysia, dengan hashtag **#JasaKepadaRakyat** supaya setiap *post* dapat dikongsi dan disebarluaskan, seterusnya maklumat dan mesej tersebut sampai kepada rakyat selari dengan konsep **KELUARGA MALAYSIA**.

44. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya zahirkan kepada seluruh warga JKR atas segala usaha, komitmen dan khidmat bakti sepanjang tahun 2021. Semoga banyak lagi lakaran kejayaan dapat kita ukir bersama di tahun 2022, Insyaallah.

Sekian,
Wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.